



جابتن تناك

DEPARTMENT OF ENERGY
PRIME MINISTERS OFFICE | BRUNEI DARUSSALAM

GARIS PANDUAN PENJIMATAN TENAGA BAGI PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DAN SEKOLAH-SEKOLAH



Latar Belakang

Pihak Kerajaan melalui Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri telahpun menetapkan sasaran strategik jangka pendek bagi pengurangan penggunaan tenaga elektrik secara bersepadu bagi penjimatan penggunaan bahan bakar, mengurangkan pengeluaran karbon dan memupuk budaya lestari.

Inisiatif ini merangkumi semua sektor termasuk sektor Kerajaan dan sekolah-sekolah.

Dalam perkara ini, kerjasama serta sokongan padu daripada semua agensi-agensi Kerajaan dan sekolah-sekolah seluruh negara adalah diperlukan agar hasrat murni Kerajaan akan dapat dicapai ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mengamalkan penggunaan tenaga elektrik yang cekap, bijak dan berhemah.

Objektif

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua agensi-agensi Kerajaan mengenai dengan perlaksanaan kaedah penjimatan tenaga di semua bangunan-bangunan Kerajaan dan juga sekolah-sekolah sebagai langkah pengurangan perbelanjaan kos utiliti Kerajaan.

Penjimatan Sistem Lampu



Padamkan lampu yang tidak atau jarang digunakan seperti di bilik stor, tandas, bilik mesyuarat, pantri, koridor dan surau.

Buka langsir tingkap bilik untuk membolehkan cahaya matahari masuk menerangi ruang tanpa menggunakan lampu elektrik.




Pastikan waktu operasi system pencahayaan dihidupkan pada masa yang diperlukan.

Letakkan meja berhampiran dengan tingkap untuk memaksimumkan penggunaan cahaya matahari.




Penjimatan Sistem Pendingin Hawa




Padamkan sistem pendingin hawa jenis split unit jika meninggalkan bilik untuk tempoh melebihi dua (2) jam.

Kurangkan waktu operasi sistem. Contohnya memulakan operasi pendingin hawa dari pukul 7:30 pagi hingga 4:30 petang (waktu bekerja).




Selaraskan suhu ke paras 23°C hingga 25°C.

Selaraskan suhu ruang koridor dan lobi supaya lebih tinggi daripada suhu sekitar ruang pejabat utama.




Disarankan untuk menggunakan pendingin hawa yang cekap tenaga dan mempunyai label kecekapan tenaga.

Penjimatan Sistem Lif



Gunakan lif hanya untuk bergerak ke tingkat yang tinggi.

Gunakan tangga untuk bergerak ke tingkat yang berhampiran.



Memperkenalkan hari tanpa lif atau eskalator sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

Penjimatan Bagi Peralatan-Peralatan Elektrik Yang Lain (Komputer, Mesin Cetak, Pengimbas dan Fotokopi)



Matikan suis komputer, mesin pencetak dan fotokopi selepas sahaja tamat waktu bekerja dan apabila tidak digunakan.

Ikut jadual penyelenggaraan yang telahpun ditetapkan.



Gunakan fungsi *eco mode* bagi mengurangkan penggunaan tenaga elektrik tanpa mengurangkan kualiti semasa mencetak dan juga fungsi *print preview* untuk memastikan gaya dan bentangan dokumen sebelum mencetak.

Mengamalkan penggunaan ciri-ciri pengurusan tenaga seperti menetapkan komputer kepada keadaan *sleep mode* apabila tidak digunakan.



Penjimatan Sistem Peti Sejuk dan Peti Pembeku



Pastikan pintu peti sejuk tertutup rapat bagi menghalang udara panas daripada memasuki unit.

Disarankan untuk menggunakan peti sejuk yang cekap tenaga dan mempunyai label kecekapan tenaga.



Selaraskan suhu ke paras -25°C hingga -22°C bagi peti pembeku (freezer) dan 2°C hingga 3°C bagi peti sejuk (refrigerator).

Bersihkan cooling coils di belakang semua unit. Kotoran yang terkumpul dapat menjejaskan pemindahan haba yang betul dan mengurangkan kecekapan dan kapasiti peti sejuk.



BANTUAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Mana-mana agensi Kerajaan atau sekolah yang memerlukan sebarang bantuan atau khidmat nasihat dari segi teknikal untuk melaksanakan program dan aktiviti penjimatan tenaga ataupun memohon untuk sesi taklimat penjimatan tenaga di Kementerian, Jabatan ataupun sekolah masing-masing, boleh menghubungi Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.



Bahagian Peralihan Tenaga,
Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri,
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



+673 2384488 ext. 1298



www.energy.gov.bn